

Peralihan Dialek dalam Dialek Melayu di Perak: Pendekatan Geographical Information System (GIS)

The Transition of Perak Malay Dialect: The Geographical Information System Approach

SITI NORAINI HAMZAH, NOR HASHIMAH JALALUDDIN & ZAHARANI AHMAD

ABSTRAK

Perkembangan teknologi telah membawa dimensi baharu dalam kajian dialek. Kini Sistem Maklumat Geografi atau GIS telah diguna pakai oleh kebanyakan pengkaji luar dalam menghasilkan peta penyebaran dialek bagi menggantikan kajian dialek yang terdahulu. Oleh itu, kajian ini meneliti peralihan dialek yang berlaku di Perak berdasarkan data leksikal 'air', 'bantal' dan 'saya'. Pengumpulan data dibuat menerusi kajian lapangan di 102 buah kampung iaitu meliputi seluruh negeri Perak. Data yang diperolehi kemudiannya disaring, ditranskripsi dan seterusnya dianalisis menggunakan pendekatan GIS. Hasil dapatan menunjukkan bahawa sebanyak tujuh varian yang ditemui bagi merujuk kepada leksikal 'air', enam varian bagi leksikal 'bantal'. Manakala, terdapat 15 varian bagi leksikal 'saya' ditemui dalam kalangan penutur dialek Melayu di Perak. Kepelbagaian varian ini terjadi kerana wujudnya perbezaan penggunaan varian di antara dua peringkat umur iaitu generasi tua dan generasi muda, taraf pendidikan, pekerjaan dan juga perkahwinan. Selain itu, dapatan analisis juga menunjukkan bahawa generasi tua yang tidak berpendidikan dan bekerja kampung ataupun suri rumah didapati lebih mengekalkan penggunaan varian asli dialek Melayu Perak berbanding dengan generasi mudanya. Hal ini kerana, kebanyakan generasi muda yang ditemui telah mengalami peralihan dialek dalam menggunakan varian-varian leksikal. Generasi muda lebih cenderung menggunakan bentuk standard dalam pertuturan mereka. Keadaan ini disebabkan oleh pengaruh media massa, taraf pendidikan dan bidang pekerjaan yang menyumbang kepada peralihan dialek bagi generasi ini di Perak. Malahan, pengaplikasian GIS telah membantu menghasilkan peta taburan bagi ketiga-tiga leksikal di Perak secara jelas dan saintifik.

Kata kunci: peralihan dialek, leksikal, generasi tua, generasi muda, Geographical Information System.

ABSTRACT

Technology development has called for new dimension in the study of dialect. At present, Geographical Information System or GIS has been employed by various researchers in producing dialect distribution mapping to replace the previous dialect study. Therefore, this study focuses on dialect transition in Perak, based on lexical data for 'air' (water), 'bantal' (pillow) and 'saya' (I). The data collection is carried out during field study at 102 villages all over Perak. The data collected is then filtered, transcribed and analysed using GIS method. The result shows that there are 7 variants for the lexical 'air' (water), 6 variants for the lexical 'bantal' (pillow). Meanwhile there are 15 variants of lexical 'saya' (I) was found among Malay speakers in Perak. The variety of variants exists due to the differences of variant usage between older and younger generation, level of education, occupation and also marital status. Besides, the analysis also shows that older generation and housewives are more likely to preserve the use of native Perak Malay dialect variant compared to the younger generation. Most of the younger generation has experienced dialect evolution in the

use of lexical variants and they are more likely to use the standard form in their conversation. The factors to this dialect transition are found to be influence of mass media, level of education and occupation. In accordance, the employment of GIS has clearly and scientifically helped in producing the distribution mapping for the three lexical in Perak.

Keywords: transition dialect, lexical, the older generation, the younger generation, Geographical Information System.

PENGENALAN

Dialek adalah kelainan bahasa yang secara lazim digunakan, yang ditentukan oleh kawasan geografi atau keadaan sosial dan dialek merupakan yang paling dekat dengan individu. Oleh itu, kelainan-kelainan bahasa yang tidak merupakan bahasa standard dianggap dialek (Asmah, 1993). Mengikut pendapat Halliday (1968), variasi bahasa dapat dilihat melalui dua aspek iaitu pengguna dan penggunaan. Variasi-variasi bahasa yang dilihat dari aspek pengguna adalah ditinjau dari segi wilayah atau geografi penutur dan ini melahirkan dialek. Manakala, variasi bahasa yang ditinjau mengikut penggunaan pula ialah variasi-variasi yang dipilih, digunakan pada situasi-situasi tertentu iaitu dialek sosial atau *register*.

Walaupun wujudnya perbezaan dialek di kawasan-kawasan tersebut, tetapi kadar kesalingfahaman terhadap semua dialek adalah tinggi. Malah penyebaran semua dialek masih menunjukkan kesinambungan yang ketara walaupun sebutannya berbeza. Umumnya, dialek adalah variasi bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu komuniti bahasa. Satu komuniti bahasa merupakan sekumpulan manusia yang menuturkan satu bahasa yang sama.

Namun begitu, kebanyakan penutur dialek di sesebuah kawasan tertentu telahpun memperlihatkan peralihan atau penipisan bahasa iaitu dari dialek kepada bahasa standard, bahasa yang dominan, bahasa yang berprestij dan sebagainya. Menurut Teo Kok Seong (2000), peralihan bahasa adalah merujuk kepada kehilangan kecekapan berbahasa secara perlahan-lahan di kalangan penutur-penutur natif sesuatu bahasa itu. Akibatnya, para penutur natif bahasa berkenaan boleh menjadi kurang cekap atau tidak mahir langsung dalam menggunakannya. Ini antara lain, adalah kerana konteks penggunaan bahasa natif itu sudah menjadi semakin kurang dan hanya digunakan untuk berhubung dengan ahli keluarga dan rakan-rakan sahaja. Fenomena ini sekiranya tidak diberi perhatian pastinya akan membawa kepada gejala penipisan bahasa ataupun dialek.

Gejala peralihan atau penipisan bahasa pada masa kini sangat menyerlah di kalangan penutur yang menuturkan dialek bagi sesuatu kawasan-kawasan tertentu. Ini kerana

kebanyakan dialek yang dituturkan oleh warga tua sudah tidak lagi kedengaran digunakan oleh remaja ataupun kanak-kanak. Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh beberapa faktor tertentu seperti demografi, bentuk muka bumi, ekonomi, politik, sosial, perkahwinan campur dan juga sikap penutur itu sendiri (Teo Kok Seong, 2000).

Oleh itu, artikel ini membincangkan perihal kewujudan peralihan dialek Melayu di Perak di antara generasi tua dan generasi muda bagi leksikal 'air', 'bantal' dan 'saya' dengan menggunakan aplikasi *Geographical Information System* (GIS).

SOROTAN ILMU KAJIAN DIALEK


Ismail Hussein (1973) dan Asmah (1993) membincangkan dialek geografi dalam konteks yang umum dan menyeluruh. Semua aspek bahasa disentuh dalam kajian mereka seperti aspek fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis dalam dialek Melayu. Contohnya, kajian Asmah (1993) dalam bukunya yang bertajuk *Susur Galur Bahasa Melayu* yang dilihat membincangkan semua perihal dialek Melayu iaitu dialek Kedah, dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Pahang dan sebagainya dari semua aspek bahasa. Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Ismail Hussein (1973).

Collins (1983), Ajid (1985), Rohani (2003) dan Mohd Tarmizi, Rahim dan Shahidi (2010 dan (2013) lebih terfokus kajian mereka pada daerah atau kawasan tertentu. Contohnya kajian yang dibuat oleh Collins (1983) yang meneliti aspek fonologi dan morfosintaksis dalam dialek di Ulu Terengganu. Manakala, Ajid (1985) melakukan penelitian dan penyelidikan berkenaan aspek fonologi dan morfologi dalam dialek Kelantan di daerah Pasir Mas. Seterusnya, kajian oleh Rohani (2003) yang melakukan kajian dialek geografi di daerah Kuala Kangsar, Perak. Mohd Tarmizi, Rahim dan Shahidi (2010) dan (2013) memfokuskan kepada variasi dialek di pesisir sungai Pahang dan variasi dialek di Hulu Tembeling, Pahang. Didapati semua kajian pengkaji ini melihat kepada satu-satu kawasan pengamatan atau kawasan kajian dialek dan tidak bersifat umum seperti yang dilakukan oleh Ismail Hussein (1973) dan Asmah (1993).

Namun begitu, baik kajian Ismail Hussein (1973), Asmah (1993), Collins (1983), Ajid (1985), Rohani (2003) ataupun Mohd Tarmizi, Rahim dan Shahidi (2010) dan (2013), didapati semua kajian mereka tidak mengambil kira maklumat geografi dalam penghuraian dan juga membuat pemetaan isoglos. Contohnya, pemetaan yang dilakukan oleh Ajid (1985) bagi bunyi-bunyi vokal, konsonan dan leksikal pada peta daerah Pasir Mas. Beliau didapati tidak sedikit pun menyentuh ciri-ciri geografi di daerah itu dalam kajiannya. Malahan, pemetaan isoglosnya lebih bersifat tradisional dan banyak melakukan penyenaian sahaja.

Maka dalam kajian semua sarjana di atas mereka telah sama ada menghasilkan peta isoglos secara lukisan tangan mahupun persempadanan tegar melalui persepsi masing-masing.

Hari ini, perkembangan teknologi telah membawa dimensi baharu dalam kajian dialek. Kini pemetaan isoglos yang bersifat saintifik dapat dihasilkan dengan menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi atau GIS. Oleh itu kita dapati kebanyakan pengkaji luar cenderung melakukan kajian sebegini. Antaranya, kajian yang dibuat oleh Onishi (2010), Cheewinsiriwat (2011) dan Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011a,b). Manakala, di negara kita kajian dialek yang menggunakan GIS masih baru dan terdapat beberapa kajian pemula yang dilakukan Nor Hashimah et.al (2013), Harishon et.al (2013), Siti Noraini dan Nor Hashimah (2014) dan Nor Hashimah et.al (2016). Sistem Maklumat Geografi ini dilihat dapat membantu pengkaji bahasa dalam memetakan isoglos dengan lebih tepat dan rasional. Antaranya, kajian oleh Siti Noraini dan Nor Hashimah (2014) yang berhasil melakarkan peta penyebaran varian 'air' dalam dialek Melayu Perak di bahagian utara Perak. Contohnya seperti gambarajah di bawah:



Peta varian 'air' di utara Perak

Berdasarkan peta tersebut, pengkaji bukan sahaja memaparkan penyebaran leksikal tetapi juga mempunyai maklumat muka bumi seperti tanah tinggi, sungai, bukit dan gunung

yang secara langsung dapat memperlihatkan pengaruhnya ke atas penyebaran dialek atau leksikal. Sebagai mengukuhkan lagi kajian dialek, satu kajian dibuat untuk melihat peralihan dialek yang berlaku dalam dialek Melayu di Perak di antara dua generasi umur iaitu tua dan muda. Tujuannya adalah untuk mengukur sejauh mana dialek Melayu ini masih kekal dan apakah potensi kepupusannya di masa muka. Kajian ini dimantapkan lagi dengan analisis GIS.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya meneliti peralihan dialek bagi leksikal ‘air’, ‘bantal’ dan ‘saya’ dalam dialek Melayu di Perak menggunakan pendekatan GIS. Kajian ini melibatkan keseluruhan negeri Perak meliputi semua daerah iaitu daerah Hulu Perak, Larut Matang dan Selama, Kerian, Kuala Kangsar, Perak Tengah, Manjung, Kinta, Kampar, Hilir Perak dan Batang Padang. Bilangan kampung yang terlibat untuk kajian ini adalah sebanyak 102 buah kampung yang melibatkan responden dari kategori generasi tua dan generasi muda. Pemilihan ketiga-tiga leksikal ini dibuat kerana memperlihatkan kepelbagaian varian dan variannya lebih banyak berbanding dengan leksikal yang lain. Hal ini kerana kedudukan negeri Perak yang banyak bersempadan dengan negeri-negeri lain telah memberi keunikan yang tersendiri kepada dialeknya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan lapangan sepenuhnya. Sebanyak 96 senarai perkataan digunakan dalam sesi temu bual bagi mendapatkan data varian dialek Melayu di Perak. 96 senarai kata ini telah dipilih daripada senarai kata Swadesh (Swadesh 1955) yang berjumlah sebanyak 200 kata kerana leksikal ini bersesuaian dengan kajian dialek di Alam Melayu. Selain daripada senarai perkataan, penulis turut mendapatkan maklumat latar belakang responden dan juga maklumat topografi kampung yang dikaji. Setelah itu, data-data yang diperolehi di lapangan akan dimasukkan ke dalam program Microsoft Office Excel dan SPSS. Apabila data lengkap dalam kedua-dua program tersebut, sekali lagi data dimasukkan ke dalam perisian ArcGIS untuk menjana peta.

GIS adalah satu perisian yang mampu untuk menggabungkan data linguistik bersama-sama dengan analisis ruang (*spatial*). Teknik-teknik berasaskan penggunaan GIS adalah untuk mengintegrasikan pendekatan konvensional bahasa dan membantu kita untuk menghasilkan peta yang lebih sistematik bagi subdialek yang dituturkan di Perak. Dengan menggunakan GIS juga, bukan sahaja maklumat topografi seperti trafik, ketinggian dan kampung-kampung, tetapi juga data statistik seperti tanah tinggi, banjaran, gunung, bukit,

sungai, jalan raya, hutan, demografi dan taburan hujan boleh dipamerkan pada peta bersama-sama dengan data penyebaran dialektologi dan juga boleh mengulangi sekerap mungkin dan membina data yang banyak (Onishi, 2010). Dengan ini dapat dikatakan GIS adalah satu sistem yang direka untuk mengungkap, menyimpan, memanipulasi, menganalisis, mengurus dan membentangkan semua jenis data geografi seterusnya menghasilkan peta dialek.

ANALISIS DAN DAPATAN

Berdasarkan maklumat yang diperolehi di lapangan, didapati responden untuk kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada dari segi umur, pekerjaan, taraf pendidikan dan juga perkahwinan. Kesemua ini dilihat dapat mempengaruhi kepada penggunaan pelbagai varian bagi leksikal ‘air’, ‘bantal’ dan ‘saya’ di negeri Perak. Hal ini dapat dibuktikan seperti berikut:

i. UMUR

Terdapat pelbagai taburan varian yang digunakan oleh penutur dialek Melayu di Perak yang dipengaruhi oleh latar belakang penduduknya. Hal ini kerana responden yang ditemu bual terdiri daripada pelbagai latar belakang dan secara tidak langsung dapat mempengaruhi kepada penggunaan bagi ketiga-tiga leksikal tersebut. Buktinya, penggunaan varian-varian bagi leksikal ‘air’, ‘bantal’ dan ‘saya’ bagi responden yang dikategorikan sebagai generasi muda iaitu dalam lingkungan umur 12 tahun hingga 39 tahun dan generasi tua iaitu yang berumur 40 tahun dan ke atas adalah berbeza. Keadaan ini dapat dijelaskan berdasarkan taburan penggunaan varian bagi ketiga-tiga leksikal tersebut mengikut daerah dalam negeri Perak di antara generasi tua dan generasi muda yang ditemui di lapangan atau kawasan kajian.

No.	Varian	Peratusan (%)	
	Leksikal ‘air’		
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ae	0%	100%
2.	ajaɹ	80%	0%
3.	ajo	20%	0%

Jadual 1: Peratusan penggunaan varian ‘air’ di Larut Matang dan Selama

No.	Varian Leksikal 'bantal'	Peratusan (%)	
		Generasi	Generasi
		Tua	Muda
1.	bantaj	80%	30%
2.	bantal	0%	70%
3.	bante	20%	0%

Jadual 2: Peratusan penggunaan varian 'bantal' di Larut Matang dan Selama

No.	Varian Leksikal 'saya'	Peratusan (%)	
		Generasi	Generasi
		Tua	Muda
1.	saja	50%	25%
2.	kami	40%	25%
3.	ʃɛʔ	0%	50%
4.	ɑwɔʔ	10%	0%

Jadual 3: Peratusan penggunaan varian 'saya' di Larut Matang dan Selama

Berdasarkan kepada jadual di atas, didapati terdapat perbezaan di antara dua generasi umur ini dalam penggunaan varian bagi ketiga-tiga leksikal tersebut. Buktinya, generasi tua yang tinggal di daerah Larut Matang dan Selama cenderung menggunakan varian [ɑjɑʔ] iaitu dengan peratusan sebanyak 80 peratus dan [ɑjɔ] sebanyak 20 peratus bagi leksikal 'air' berbanding dengan generasi mudanya yang 100 peratus memilih menggunakan varian 'ae'. Begitu juga dengan leksikal 'bantal'. Generasi tua di daerah ini kebanyakannya menggunakan varian [bantaj] dengan peratusan sebanyak 80 peratus dan sedikit sahaja ditemui penggunaan varian [bante] dalam kalangan penutur generasi tua iaitu hanya sebanyak 20 peratus. Manakala, responden dalam kelompok generasi muda kebanyakannya menggunakan varian [bantal] iaitu sebanyak 70 peratus dan hanya 30 peratus menggunakan varian [bantaj]. Keadaan ini sama juga perihalnya dengan leksikal 'saya' yang mana generasi tua lebih memilih menggunakan varian [saja] dengan peratusan sebanyak 50 peratus, varian [kami] sebanyak 40 peratus dan ditemui sebanyak 10 peratus menggunakan varian [ɑwɔʔ]. Namun

begitu, generasi muda kebanyakannya menggunakan varian [tʃeʔ] dengan peratusan sebanyak 50 peratus serta turut ditemui menggunakan varian [saja] dan [kami] dengan peratusan masing-masing sebanyak 25 peratus dalam pertuturan mereka.

Berdasarkan penggunaan varian yang ditemui di antara kedua-dua generasi ini, didapati kawasan Larut Matang dan Selama lebih dominan menggunakan varian-varian yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Kedah. Hal ini terjadi mungkin kerana kedudukannya yang berdekatan atau bersempadan dengan negeri Kedah telah menyebabkan pengaruh dialek Melayu Kedah lebih dominan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kampung dalam mukim Bukit Gantang yang ditemui penggunaan varian asli dialek Melayu Perak terutamanya dalam kalangan penutur generasi tua. Kebanyakan perkampungan di mukim ini merupakan perkampungan lama. Oleh sebab itu, terdapat penduduk kampung yang kelompok generasi tua masih lagi kekal menggunakan varian asli dialek Melayu Perak ini berbanding dengan generasi muda yang lebih menerima bentuk bahasa Melayu standard dalam pertuturan mereka.

No.	Varian Leksikal ‘air’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ae	0%	100%
2.	ε	50%	0%
3.	ʔ ^a e	50%	0%

Jadual 4: Peratusan penggunaan varian ‘air’ di Hulu Perak

No.	Varian Leksikal ‘bantal’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	bata	100%	0%
2.	bantal	0%	100%

Jadual 5: Peratusan penggunaan varian ‘bantal’ di Hulu Perak

No.	Varian	Peratusan (%)	
Leksikal ‘saya’			
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	sajɔ	50%	0%
2.	aku	50%	50%
3.	sajə	0%	50%

Jadual 6: Peratusan penggunaan varian ‘saya’ di Hulu Perak

Sementara itu, di daerah Hulu Perak juga menunjukkan perbezaan dalam pemilihan varian bagi leksikal ‘air’, ‘bantal’ dan ‘saya’. Daripada dapatan yang diperolehi, didapati daerah ini cenderung menggunakan varian-varian yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Patani. Kehadiran pengaruh ini di daerah Hulu Perak adalah disebabkan oleh faktor-faktor sejarah yang berlaku pada suatu ketika dahulu. Hal ini juga turut terjadi kepada kumpulan etnik Cina Peranakan Kelantan di daerah Tumpat, Pasir Mas dan Tanah Merah yang didapati telah menggunakan dialek Melayu Kelantan semasa berkomunikasi sesama sendiri khususnya di kalangan kaum lelaki generasi lama. Malahan, dialek Hokkien yang digunakan oleh kumpulan etnik ini juga telah diintegrasikan tatabahasa dan perbendaharaan kata dialek Melayu Kelantan dalam kadar yang tinggi sehinggakan ia sukar difahami oleh orang luar biarpun daripada kalangan penutur dialek Hokkien dari tempat lain (Pue dan Charanjit, 2014). Senario ini turut terjadi kepada dialek Banjar, Jawa dan Minang di beberapa daerah dalam negeri Perak. Ekoran itu, sehingga ke hari ini kesannya masih ada dan salah satunya adalah dialek atau loghat percakapan masyarakatnya. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan penggunaan varian bagi ketiga-tiga leksikal tersebut. Bagi leksikal ‘air’ didapati responden yang berada dalam kelompok generasi tua lebih memilih menggunakan varian [ʔ^ae] dan [ɛ] iaitu masing-masing dengan peratusan sebanyak 50 peratus berbanding dengan varian [ae] yang ditemui 100 peratus penggunaannya oleh generasi muda sahaja. Begitu juga dengan leksikal ‘bantal’. Generasi tua didapati menggunakan 100 peratus varian [batə] manakala generasi muda pula menggunakan 100 peratus varian [bantəl] di daerah ini. Bagi leksikal ‘saya’ pula menunjukkan bahawa generasi tua memilih menggunakan varian [sqjɔ] sebanyak 50 peratus berbanding varian [sqjə] yang hanya ditemui dalam kalangan generasi muda dengan peratusan sebanyak 50 peratus juga. Manakala varian [aku] ditemui penggunaannya

oleh kedua-dua generasi umur iaitu masing-masing dengan peratusan sebanyak 50 peratus. Ini kerana varian [aku] merupakan varian umum yang digunakan oleh kedua-dua generasi umur dalam konteks yang tidak formal. Ianya berlaku apabila dua penutur yang berada dalam kelompok generasi umur yang sama iaitu orang tua sesama orang tua dan remaja sesama remaja berinteraksi bagi menimbulkan keakraban dan kemesraan di antara mereka.

No.	Varian Leksikal 'air'	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ae	0%	100%
2.	ajaɿ	70%	0%
3.	baɲu	30%	0%

Jadual 7: Peratusan penggunaan varian 'air' di Kerian

No.	Varian Leksikal 'bantal'	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	bantaj	70%	30%
2.	bantal	0%	70%
3.	baNtal	30%	0%

Jadual 8: Peratusan penggunaan varian 'bantal' di Kerian

No.	Varian Leksikal 'saya'	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	saja	50%	25%
2.	kami	25%	25%
3.	sajə	0%	50%
4.	aku?	25%	0%

Jadual 9: Peratusan penggunaan varian 'saya' di Kerian

Seterusnya di daerah Kerian. Penulis mendapati bahawa daerah ini majoriti penduduknya bertutur dalam dialek Melayu Kedah. Namun begitu, terdapat juga beberapa kampung didiami oleh masyarakat yang berketurunan Banjar di kawasan ini. Oleh itu, ditemui juga beberapa varian yang dipengaruhi oleh dialek Banjar di antara dua generasi umur ini. Buktinya, generasi tua yang tinggal di daerah ini memilih menggunakan varian [ɑjɑŋ] sebanyak 70 peratus dan [bɑŋu] sebanyak 30 peratus bagi merujuk kepada leksikal ‘air’. Manakala, varian [bantɑj] menunjukkan peratusan penggunaan sebanyak 70 peratus dan varian [bɑNtɑl] hanya sebanyak 30 peratus bagi leksikal ‘bantal’. Varian [sɑjɑ] pula ditemui penggunaan sebanyak 50 peratus, varian [kami] dan [ɑkuʔ] masing-masing sebanyak 25 peratus bagi leksikal ‘saya’. Manakala, generasi mudanya lebih memilih menggunakan varian [ɑe] iaitu sebanyak 100 peratus penggunaannya, varian [bantɑl] sebanyak 70 peratus dan varian [bantɑj] sebanyak 30 peratus. Bagi varian [sɑjɑ], [kami] masing-masing sebanyak 25 peratus dan varian [sɑjə] sebanyak 50 peratus. Varian [bɑŋu] dan [ɑkuʔ] merupakan salah satu varian dialek Banjar yang ditemui dalam kalangan penutur dialek Banjar yang terdiri daripada generasi tua sahaja. Ini menunjukkan bahawa generasi tua lebih kuat mempertahankan identiti dialek mereka berbanding dengan generasi muda. Malahan, kebanyakan generasi muda yang berketurunan Banjar yang ditemui tidak boleh bertutur dan memahami dialek ibu bapa mereka. Majoriti generasi muda di daerah ini lebih cenderung menggunakan bentuk percakapan standard dalam komunikasi seharian mereka. Ini telah dibuktikan berdasarkan pemilihan varian yang digunakan oleh generasi umur tersebut.

No.	Varian Leksikal ‘air’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ɑjɑ	100%	100%

Jadual 10: Peratusan penggunaan varian ‘air’ di Kuala Kangsar

No.	Varian Leksikal 'bantal'	Peratusan (%)	
		Generasi	Generasi
		Tua	Muda
1.	bante	80%	80%
2.	banta	20%	20%

Jadual 11: Peratusan penggunaan varian 'bantal' di Kuala Kangsar

No.	Varian Leksikal 'saya'	Peratusan (%)	
		Generasi	Generasi
		Tua	Muda
1.	sqjə	40%	70%
2.	awɔʔ	35%	30%
3.	təman	20%	0%
4.	kumə	5%	0%

Jadual 12: Peratusan penggunaan varian 'saya' di Kuala Kangsar

Bagi daerah Kuala Kangsar pula didapati kesemua responden sama ada kelompok generasi tua atau muda masih lagi kuat menggunakan varian yang melambangkan identiti asli dialek Melayu Perak atau lebih dikenali sebagai subdialek Kuala Kangsar. Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan 100 peratus penggunaan varian [ɔjɔ] untuk leksikal 'air' bagi kedua-dua generasi ini. Begitu juga dengan varian [bante] dan [banta] bagi merujuk kepada leksikal 'bantal' yang ditemui sebanyak 80 peratus dan 20 peratus penggunaan di antara kedua-dua generasi umur. Pengekalan penggunaan varian asli dialek Perak oleh generasi muda ini memperlihatkan bahawa nilai jati diri terhadap dialek setempat masih lagi kuat untuk leksikal yang tertentu. Leksikal 'saya' pula ditemui penggunaan varian [sqjə] sebanyak 40 peratus, [awɔʔ] 35 peratus, [təman] sebanyak 20 peratus dan [kumə] sebanyak 5 peratus dalam kalangan generasi tua di daerah ini. Manakala, generasi mudanya dominan menggunakan varian [sqjə] iaitu sebanyak 70 peratus penggunaannya dan sedikit sahaja menggunakan varian [awɔʔ] iaitu sebanyak 30 peratus. Varian [sqjə] dalam kes ini bukan merupakan varian penyebutan standard bahasa Melayu. Hal ini kerana dalam dialek Melayu

Perak bagi subdialek Kuala Kangsar, vokal /-a/ di akhir kata akan direpresentasikan sebagai [-ə] (Asmah, 2008). Walau bagaimanapun, varian [təman] dan [kumə] tidak pula ditemui dalam kalangan penutur generasi muda.

No.	Varian Leksikal ‘air’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ɑjɔ	100%	100%

Jadual 13: Peratusan penggunaan varian ‘air’ di Perak Tengah

No.	Varian Leksikal ‘bantal’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	bante	100%	70%
2.	bantal	0%	30%

Jadual 14: Peratusan penggunaan varian ‘bantal’ di Perak Tengah

No.	Varian Leksikal ‘saya’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	awɔʔ	45%	40%
2.	təman	20%	15%
3.	kumɛ	5%	0%
4.	sajɛ	15%	10%
5.	ɑjɛ	15%	0%
6.	Lain-lain	0%	35%

Jadual 15: Peratusan penggunaan varian ‘saya’ di Perak Tengah

Begitu juga dengan daerah Perak Tengah. Kebanyakan penduduk kampung dalam daerah ini masih mengekalkan penggunaan dialek Melayu asli Perak atau lebih dikenali sebagai subdialek Perak Tengah oleh kedua-dua generasi umur. Penulis mendapati bahawa

generasi muda di daerah ini masih menggunakan dialek Melayu asli Perak walaupun terdedah dengan kecanggihan teknologi dan juga pendidikan. Semua itu tidak menjadi penghalang kepada pengekalan dialek Melayu Perak subdialek Perak Tengah oleh golongan generasi muda yang ditemui. Oleh sebab itu, dijumpai sebanyak 100 peratus penggunaan varian [ɑjɔ] dalam kalangan penutur generasi tua dan muda bagi merujuk kepada leksikal ‘air’. Bagi leksikal ‘bantal’, didapati generasi tua dalam daerah ini kesemuanya atau 100 peratus menggunakan varian [bante]. Manakala, generasi muda memilih menggunakan dua (2) varian iaitu [bante] dan [bantal]. Untuk varian [bante] ditemui sebanyak 70 peratus penggunaannya berbanding dengan varian [bantal] iaitu hanya sebanyak 30 peratus sahaja. Bagi peratusan penggunaan leksikal ‘saya’ pula didapati generasi tua dalam daerah ini memilih menggunakan lima (5) varian iaitu varian [ɑwɔʔ] sebanyak 45 peratus, [təman] sebanyak 20 peratus, [kumɛ] sebanyak 5 peratus, [sqjɛ] dan [qjɛ] masing-masing sebanyak 15 peratus. Manakala, generasi mudanya memilih menggunakan varian [ɑwɔʔ] sebanyak 40 peratus, varian [təman] sebanyak 15 peratus, [qjɛ] sebanyak 10 peratus dan varian lain-lain yang terdiri daripada panggilan nama, pangkat dalam kekeluargaan dan sebagainya sebanyak 35 peratus. Walau bagaimanapun, penggunaan varian [qjɛ] hanya ditemui dalam kalangan penutur generasi tua sahaja kerana varian ini merupakan kata panggilan manja untuk diri pertama ‘saya’. Lazimnya varian ini digunakan dalam konteks perbualan di antara dua individu yang rapat dalam keluarga. Contohnya perbualan antara suami dan isteri (Mohd. Nadzar Mohd. Shariff et al. 2015).

No.	Varian Leksikal ‘air’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ɑjɑʔ	90%	0%
2.	ɑjɔ	10%	0%
3.	ae	0%	100%

Jadual 16: Peratusan penggunaan varian ‘air’ di Manjung

No.	Varian Leksikal 'bantal'	Peratusan (%)	
		Generasi	Generasi
		Tua	Muda
1.	bantaj	90%	50%
2.	bante	10%	0%
3.	bantal	0%	50%

Jadual 17: Peratusan penggunaan varian 'bantal' di Manjung

No.	Varian Leksikal 'saya'	Peratusan (%)	
		Generasi	Generasi
		Tua	Muda
1.	saja	50%	0%
2.	sajə	0%	50%
3.	kami	10%	0%
4.	aku	20%	50%
5.	awɔʔ	10%	0%
6.	təman	10%	0%

Jadual 18: Peratusan penggunaan varian 'saya' di Manjung

Sementara itu, pemilihan varian bagi leksikal 'air', 'bantal' dan 'saya' di daerah Manjung turut memperlihatkan perbezaan di antara generasi tua dan generasi mudanya. Bagi leksikal 'air', didapati generasi tua dalam daerah ini lebih memilih menggunakan varian [aɲaʔ] iaitu dengan peratusan sebanyak 90 peratus dan hanya 10% penggunaan varian [aɲɔ] berbanding dengan varian [ae] yang 100 peratus ditemui dalam kalangan generasi muda. Begitu juga dengan leksikal 'bantal', didapati generasi tua memilih menggunakan varian [bantaj] dan [bante]. Varian [bantaj] ditemui penggunaan sebanyak 90 peratus dan varian [bante] sebanyak 10 peratus. Manakala, generasi muda pula didapati menggunakan varian [bantaj] dan [bantal] iaitu masing-masing sebanyak 50 peratus penggunaannya dalam pertuturan mereka. Penggunaan leksikal 'saya' juga sama. Generasi tua dalam daerah ini memilih menggunakan varian [saja] dengan peratusan penggunaan sebanyak 50 peratus,

[kami] sebanyak 10 peratus, [aku] sebanyak 20 peratus, [awɔʔ] dan [təman] masing-masing sebanyak 10 peratus berbanding penggunaan varian standard iaitu [sajə] dan [aku] yang hanya ditemui dalam kalangan penutur generasi muda sahaja. Kedua-dua varian ini memperlihatkan peratusan penggunaan sebanyak 50 peratus. Daerah ini juga ada memperlihatkan pengaruh varian dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu asli Perak dalam kalangan penutur generasi tuanya. Walau bagaimanapun, peratusan penggunaan varian dialek Melayu Perak hanya ditemui di mukim Lekir sahaja. Kampung-kampung dalam mukim ini sangat berdekatan dengan daerah Perak Tengah. Oleh sebab itu ditemui penggunaan varian ini oleh kelompok generasi tuanya.

No.	Varian Leksikal ‘air’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ae	90%	100%
2.	ajɔ	10%	0%

Jadual 19: Peratusan penggunaan varian 'air' di Kampar

No.	Varian	Peratusan (%)	
	Leksikal		
	‘bantal’	Generasi Tua	Generasi Muda
1.	bantal	100%	100%

Jadual 20: Peratusan penggunaan varian 'bantal' di Kampar

No.	Varian Leksikal ‘saya’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	sajə	50%	50%
2.	aku	50%	50%

Jadual 21: Peratusan penggunaan varian 'saya' di Kampar

Pemilihan penggunaan varian bagi ketiga-tiga leksikal ini juga sedikit berbeza dalam kalangan penutur generasi tua dan generasi muda yang ditemui di daerah Kampar. Ini kerana, kebanyakan penduduk kampung dalam daerah ini bukannya terdiri daripada penduduk asal Perak. Kebanyakannya merupakan orang luar yang datang berhijrah dan membuka petempatan di kawasan ini (Harun 1970 dan Abdul Halim Nasir 1977). Keadaan ini dapat dibuktikan daripada dapatan yang diperolehi memperlihatkan penggunaan varian [ae] sebanyak 90 peratus dan sedikit sahaja penggunaan varian [ajɔ] iaitu sebanyak 10 peratus bagi merujuk kepada leksikal ‘air’ dalam kalangan penduduk kampung yang generasi tua. Berbeza pula dengan generasi mudanya, didapati generasi muda di kawasan ini memilih menggunakan 100 peratus varian [ae] dalam pertuturan mereka. Namun begitu, bagi leksikal ‘bantal’ dan ‘saya’ didapati kedua-dua generasi umur ini memperlihatkan persamaan iaitu memilih menggunakan 100 peratus varian [bantal] bagi merujuk kepada leksikal ‘bantal’ dan varian [sqjə] serta [aku] dengan peratusan penggunaan sebanyak 50 peratus bagi kedua-dua varian untuk leksikal ‘saya’ dalam kalangan penutur dialek Melayu yang ditemui di daerah Kampar.

No.	Varian Leksikal ‘air’	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ae	90%	100%
2.	ajɔ	10%	0%

Jadual 22: Peratusan penggunaan varian ‘saya’ di Kinta

No.	Varian	Peratusan (%)	
	Leksikal		
	‘bantal’	Generasi Tua	Generasi Muda
1.	bante	10%	0%
2.	bantal	90%	100%

Jadual 23: Peratusan penggunaan varian ‘bantal’ di Kinta

No.	Varian	Peratusan (%)	
Leksikal ‘saya’			
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	sajə	50%	50%
2.	aku	30%	50%
3.	awɔʔ	10%	0%
4.	təman	10%	0%

Jadual 24: Peratusan penggunaan varian ‘saya’ di Kinta

Bagi daerah Kinta pula didapati responden generasi tua turut memilih menggunakan varian [ae] dan [qɔ] iaitu varian yang sama dengan generasi tua di daerah Kampar bagi leksikal ‘air’. Peratusan penggunaan varian [ae] yang ditemui adalah sebanyak 90 peratus dan 10 peratus sahaja untuk penggunaan varian [qɔ]. Begitu juga dengan varian [bantal] yang ditemui digunakan sebanyak 90 peratus oleh penutur generasi tua dan varian [bante] hanya sebanyak 10 peratus sahaja yang digunakan untuk merujuk kepada leksikal ‘bantal’. Manakala, varian [sajə] pula ditemui penggunaannya sebanyak 50 peratus, [aku] sebanyak 30 peratus, [awɔʔ] serta [təman] masing-masing sebanyak 10 peratus yang digunakan untuk merujuk kepada leksikal ‘saya’ oleh generasi tua di daerah ini. Kehadiran varian [qɔ], [bante], [awɔʔ] dan [təman] yang merupakan varian asli dalam dialek Melayu Perak di beberapa kampung dalam daerah ini hanya ditemui dalam kalangan generasi tua sahaja. Hal ini kerana kampung-kampung tersebut adalah berdekatan dengan daerah Perak Tengah dan juga perkampungan asal masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Oleh sebab itu, terdapat sebahagian generasi tua yang masih lagi mengekalkan penggunaan dialek Melayu Perak. Walau bagaimanapun, berbeza pula dengan generasi muda yang ditemui di daerah ini. Majoriti orang-orang muda telah memilih penggunaan varian yang berbentuk standard dalam pertuturan mereka. Oleh sebab itu, ditemui sebanyak 100 peratus penggunaan varian [ae] dan [bantal] dalam kalangan generasi muda di daerah ini. Varian [sajə] dan [aku] pula masing-masing menunjukkan penggunaan sebanyak 50 peratus.

No.	Varian Leksikal 'air'	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ae	70%	100%
2.	bqpu	30%	0%

Jadual 25: Peratusan penggunaan varian 'air' di Hilir Perak

No.	Varian Leksikal 'bantal'	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	bantal	100%	100%

Jadual 26: Peratusan penggunaan varian 'bantal' di Hilir Perak

No.	Varian Leksikal 'saya'	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	sajə	50%	50%
2.	aku	50%	50%

Jadual 27: Peratusan penggunaan varian 'saya' di Hilir Perak

No.	Varian Leksikal 'air'	Peratusan (%)	
		Generasi Tua	Generasi Muda
1.	ae	70%	100%
2.	ajiə	30%	0%

Jadual 28: Peratusan penggunaan varian 'air' di Batang Padang

No.	Varian Leksikal 'bantal'	Peratusan (%)	
		Generasi	Generasi
		Tua	Muda
1.	bantal	100%	100%

Jadual 29: Peratusan penggunaan varian 'bantal' di Batang Padang


No.	Varian Leksikal 'saya'	Peratusan (%)	
		Generasi	Generasi
		Tua	Muda
1.	sqjə	50%	50%
2.	aku	20%	50%
3.	awa?	15%	0%
4.	den	15%	0%

Jadual 30: Peratusan penggunaan varian 'saya' di Batang Padang


Seterusnya pemilihan varian bagi ketiga-tiga leksikal ini di daerah Hilir Perak dan Batang Padang. Penulis mendapati bahawa kelompok generasi muda dan generasi tua di kedua-dua daerah ini dominan menggunakan varian yang berbentuk bahasa Melayu standard atau dialek Melayu Selangor. Buktinya, ditemui banyak penggunaan varian [ae], [bantal], [sqjə] dan [aku]. Bagi varian [ae] ditemui sebanyak 70 peratus penggunaannya oleh generasi tua dan 100 peratus oleh generasi muda di daerah Hilir Perak dan Batang Padang. Begitu juga dengan varian [bantal] yang dijumpai 100 peratus penggunaannya oleh kedua-dua generasi umur ini di kedua-dua daerah tersebut. Bagi varian [sqjə] dan [aku] ditemui penggunaan yang masing-masing sebanyak 50 peratus di daerah Hilir Perak oleh kelompok generasi tua dan muda. Namun begitu, sedikit berbeza di daerah Batang Padang. Varian [sqjə] ditemui penggunaan sebanyak 50 peratus oleh kedua-dua generasi umur ini tetapi varian [aku] pula ditemui sebanyak 20 peratus sahaja oleh generasi tua dan 50 peratus penggunaannya oleh generasi muda. Hal ini disebabkan oleh kedudukannya di bahagian selatan negeri Perak yang bersempadan dengan negeri Selangor secara tidak langsung telah memudahkan penyebaran dialek Melayu Selangor di kedua-dua daerah ini. Tambahan pula, kawasan ini merupakan kawasan tanah rancangan. Oleh sebab itu, kebanyakan penduduk kampung di kedua-dua

daerah ini bukannya berasal dari negeri Perak tetapi datang dari serata tempat tetapi yang paling menyerlah ialah beberapa kelompok masyarakat Jawa yang ditemui di daerah Hilir Perak dan sekelompok kecil masyarakat Minang di beberapa buah kampung dalam daerah Batang Padang. Kemasukan orang luar pada waktu dahulu di selatan negeri Perak adalah kerana kawasan tersebut kurang berpenghuni dan dipenuhi dengan hutan dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung telah menarik orang luar membina petempatan yang kekal sehingga ke hari ini. Ekoran itu, terdapat beberapa varian yang ditemui memperlihatkan pengaruh bahasa atau dialek luar terutamanya dalam kalangan kelompok generasi tua bagi leksikal ‘air’ dan ‘saya’. Antara varian tersebut ialah [bɔpu] yang ditemui sebanyak 30 peratus penggunaannya bagi merujuk kepada leksikal ‘air’ yang ditemui di daerah Hilir Perak dan varian [ɑjiə] juga sebanyak 30 peratus digunakan oleh kelompok masyarakat Minang untuk leksikal ‘air’ serta [ɑwɑʔ] dan [den] masing-masing sebanyak 15 peratus penggunaannya bagi merujuk kepada leksikal ‘saya’ yang ditemui di daerah Batang Padang. Keempat-empat varian ini hanya ditemui dalam kalangan generasi tua untuk kelompok masyarakat Jawa dan Minang sahaja. Ini menunjukkan bahawa warga tua begitu kuat menjaga dan mengekalkan budaya serta bahasanya daripada terus luput atau pupus.


Ekoran itu, penulis telah menggunakan teknik *choropleth* bagi menghasilkan peta *choropleth* yang dapat memaparkan penggunaan varian dialek Melayu di Perak bagi ketiga-tiga leksikal dengan lebih jelas di antara generasi tua dan muda. Teknik *choropleth* merupakan penggambaran data berupa warna yang bertingkat atau kerapatan garis yang berbeza dan juga penggunaan simbol-simbol yang berbeza di atas peta (Nasir Nayan 2010). Hal ini dapat digambarkan dalam paparan peta di bawah:




Peta 1: Peta varian leksikal 'air' generasi muda





Peta 2: Peta varian 'air' generasi tua



Peta 3: Peta varian leksikal 'bantal' generasi muda




Peta 4: Peta varian 'bantal' generasi tua



ii. TARAF PENDIDIKAN

Begitu juga dari segi taraf pendidikan. Penulis mendapati bahawa faktor ini turut mempengaruhi kepada kepelbagaian varian yang ditemui bagi ketiga-tiga leksikal tersebut dalam kalangan penutur dialek Melayu di Perak. Sama juga seperti pemilihan varian di antara generasi tua dan muda. Kebanyakan responden yang ditemui bual adalah tidak bersekolah yang terdiri daripada kelompok warga tua iaitu dengan peratusan sebanyak 50 peratus, bersekolah menengah seramai 40 peratus, mendapat pendidikan sekolah rendah seramai 5 peratus dan 5 peratus lagi responden yang berpendidikan kolej dan universiti. Penulis mendapati bahawa taraf pendidikan setiap responden yang ditemui bual turut mempengaruhi kepada penggunaan varian-varian di sesuatu kawasan. Buktinya, kebanyakan responden yang tidak bersekolah cenderung mengekalkan dan menggunakan dialek setempat. Manakala, bagi responden yang berpendidikan sama ada bersekolah rendah, menengah, kolej

ataupun universiti telah mula memperlihatkan perubahan atau peralihan dalam penggunaan varian bagi ketiga-tiga leksikal tersebut. Kelompok berpendidikan ini mula cenderung menggunakan varian-varian yang berbentuk standard dalam komunikasi seharian mereka. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pendedahan yang diberikan semasa sekolah ataupun universiti. Carta pai di bawah memaparkan peratusan taraf pendidikan bagi semua responden di negeri Perak dilihat dapat mempengaruhi penggunaan varian untuk ketiga-tiga leksikal yang dibincangkan.




Gambar rajah 1: Peratusan Taraf Pendidikan Responden

iii. TARAF PEKERJAAN

Sementara itu, taraf pekerjaan turut mempengaruhi kepada kewujudan kepelbagaian varian dalam dialek Melayu di Perak. Berdasarkan dapatan yang diperolehi boleh dikatakan 50 peratus responden adalah terdiri daripada suri rumah, 35 peratus bekerja kampung, 10 peratus berniaga dan lain-lain sebanyak 5 peratus. Berpanduan kepada maklumat yang diperolehi di lapangan, didapati golongan wanita yang bergelar suri rumah banyak menghabiskan masa mereka di rumah dengan menjalankan kerja-kerja rumah tangga. Mereka juga jarang keluar daripada kampung untuk suatu tempoh masa yang lama dan hanya bergaul sesama mereka sahaja. Ekoran itu, penulis mendapati bahawa dialek yang digunakan atau dituturkan oleh golongan ini masih lagi asli dan kuat mengekalkan identiti dialek setempat tanpa dicemari oleh bahasa atau dialek lain. Keadaan ini secara tidak langsung telah menolak salah satu elemen NORM's iaitu *males* atau golongan lelaki dalam pemilihan responden atau informan

seperti yang diuraikan oleh Chambers dan Trudgill (1990). Begitu juga dengan responden yang bekerja kampung seperti menoreh getah, bersawah, peladang dan nelayan. Kelompok responden ini juga didapati masih lagi mengekalkan penggunaan dialek setempat kerana mereka hanya berinteraksi dan berhubung sesama mereka sahaja. Manakala, responden yang berniaga dan kerja lain-lain seperti kilang, cikgu tadika dan sebagainya sudah mula memperlihatkan peralihan dalam penggunaan bahasa atau dialek. Hal ini berlaku kerana mereka mula berhubung dengan orang luar dari tempat tinggal mereka. Contohnya, bekerja di kilang yang terdiri daripada pekerja yang datang dari pelbagai tempat, cikgu tadika yang menggunakan bahasa Melayu standard dalam sesi pembelajaran, peniaga yang berniaga sehingga ke luar daerah atau negeri dan sebagainya. Keadaan ini secara tidak langsung dapat menipiskan penggunaan varian asli dialek setempat bagi satu-satu kawasan. Carta pai di bawah memaparkan peratusan taraf pekerjaan bagi semua responden di negeri Perak yang turut mempengaruhi pemilihan varian bagi ketiga-tiga leksikal tersebut.



Gambar rajah 2: Peratusan Pekerjaan Responden

iv. PERKAHWINAN

Faktor terakhir adalah perkahwinan. Penulis mendapati bahawa perkahwinan campur juga turut menjadi salah satu faktor penyumbang kepada peralihan dialek di negeri Perak. Apa yang penulis maksudkan dengan perkahwinan campur ialah perkahwinan yang melibatkan perempuan atau lelaki yang berkahwin dengan lelaki atau perempuan dari daerah atau negeri lain. Keadaan ini telah membuktikan bahawa salah satu dialek atau subdialek akan menipis

penggunaannya oleh anak-anak terutamanya. Oleh sebab itu, ditemui banyak penggunaan varian yang dipengaruhi oleh bentuk standard atau dialek Melayu Selangor dalam kalangan responden remaja dan kanak-kanak di beberapa daerah dalam negeri Perak. Hal ini turut dinyatakan sendiri oleh beberapa orang ibu bapa yang dijumpai di lapangan.

Perbincangan dan Rumusan

Berdasarkan peratusan penggunaan ketiga-tiga leksikal di antara dua (2) generasi umur ini jelas memperlihatkan perbezaan yang sangat ketara dalam pemilihan varian leksikal bagi dialek Melayu di Perak. Didapati bahawa penutur generasi muda di Perak lebih cenderung memilih menggunakan varian penyebutan standard bahasa Melayu atau lebih dikenali sebagai dialek Melayu Selangor di kebanyakan daerah dalam negeri Perak. Hal ini terjadi kerana pengaruh media massa seperti televisyen, internet, surat khabar dan pendidikan di sekolah dilihat mempengaruhi kepada pemilihan varian leksikal untuk digunakan oleh generasi muda berbanding loghat atau dialek yang dituturkan oleh ibu bapa mereka. Selain itu, sikap negatif generasi muda terhadap dialek setempat turut mempengaruhi kepada kepelbagaian varian leksikal dalam dialek Melayu di Perak. Penulis mendapati bahawa generasi muda di kebanyakan kampung-kampung yang ditemui bersikap malu untuk menuturkan dialek setempat walaupun sesama mereka. Keadaan ini sekiranya dibiarkan berlanjutan ia boleh membawa kepada kepupusan dialek setempat. Walau bagaimanapun, terdapat juga dua (2) daerah di negeri ini yang memperlihatkan pengekalan dialek atau subdialek setempat dalam kalangan penutur generasi mudanya iaitu ditemui di daerah Kuala Kangsar dan Perak Tengah. Kedua-dua daerah ini merupakan daerah dialek Melayu asli Perak (Asmah, 1985; Rohani, 1986; Raja Mukhtaruddin, 1986). Kebanyakan generasi muda di kedua-dua daerah ini begitu kuat menjaga dan mengekalkan penggunaan varian asli dialek Melayu Perak.

Sementara itu, penggunaan varian asli dialek Melayu Perak bagi generasi tua bukan sahaja dominan di daerah Kuala Kangsar dan Perak Tengah sahaja tetapi turut ditemui di beberapa kampung dalam daerah yang lain juga. Antara daerah tersebut ialah Larut Matang dan Selama, Manjung, Kampar dan Kinta. Walau bagaimanapun, peratusan penggunaannya adalah sedikit dan hanya dalam beberapa kampung sahaja yang ditemui. Antaranya Kampung Seberang Ampang, Kampung Ayer Kuning, Kampung Kubu Bukit Gantang, Kampung Batu 15, Kampung Batu 1, Kampung Ayer Mati, Kampung Tualang Sekah, Kampung Jelutong, Kampung Kota Bharu dan Kampung Redang Sawa. Kehadiran varian asli ini di perkampungan tersebut kerana kedudukannya yang sangat berdekatan dengan kampung-

kampung dalam daerah Kuala Kangsar dan Perak Tengah. Selain itu, kebanyakan kampung tersebut merupakan perkampungan awal masyarakat Melayu di Perak. Oleh itu, generasi tuanya masih lagi mengekalkan penggunaan dialek Melayu asli Perak tetapi tidak generasi mudanya. Selain itu, taraf pendidikan, pekerjaan dan perkahwinan juga jelas memperlihatkan peralihan dalam penggunaan varian leksikal bagi ketiga-tiga leksikal yang dibincangkan.

KESIMPULAN

Kemajuan teknologi telah memberi nafas baharu kepada bidang dialektologi dalam memetakan peta taburan leksikal bagi 'air', 'bantal' dan 'saya' di Perak. Pemetaan peta yang dibuat dapat memaparkan dengan lebih jelas perilaku yang berlaku dalam dialek Melayu di Perak. Peralihan dialek yang terjadi di kalangan generasi muda sangat ketara. Sekiranya tidak dibendung ia boleh mendatangkan masa depan yang tidak baik kepada dialek Melayu umumnya dan dialek Melayu Perak khususnya. Keadaan ini seterusnya boleh membawa kepada kenipisan terhadap dialek Melayu asli Perak. Tambahan pula, pengaplikasian GIS ini dilihat dapat menghasilkan peta taburan dialek dengan lebih saintifik dan rasional. Ekoran itu, teknologi ini semakin berkembang dalam kalangan pengkaji bahasa. Hal ini turut sama disokong oleh pengkaji-pengkaji bahasa yang lain tentang tanggungjawab dalam meneliti bahasa dan dialek dengan bantuan teknologi. Rahim, Norfazila dan Shahidi (2015) telah menyimpulkan bahawa sudah menjadi keperluan dan tanggungjawab linguist-linguist untuk meneliti bahasa dan dialek mengikut perkembangan metodologi semasa seperti yang telah dilakukan oleh mereka dalam penelitian varian Melanau.

RUJUKAN

- Ajib Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. 1993. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayob. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheewinsiriwat, P. 2011. The use of GIS in exploring settlement patterns of the ethnic groups in Nan, Thailand. *The Asian Conference on Arts and Humanities Official Conference Proceedings 2011*, Osaka, Japan.
- Collins, J. T. 1983. *Dialek ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halliday, M. A. K. 1968. The Users and Uses of Language. Dlm. Joshua A. Fishman. (Ed.). *The Sociology of Language*. Mouton: The Hague.

Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Siti Noraini Hamzah, Yusmaniza Mohd Yusoff & Norlisafina Sanit. 2014. Geo-linguistics study on lexical and phonology dialect variations in North Perak, Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 118: 152-158.

Ismail Hussein. 1973. The Malay Dialects in The Malay Paninsular. *Nusantara*, 3: 63-79.

Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H. 2010. Variasi Dialek Pahang: Keterpisahan Berasaskan Jaringan Sungai. *Jurnal Melayu*, 5: 315-332.

Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A.H & Rahim Aman. 2013. Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online[®] Journal of Language Studies*, 13(3): 211-222.

Nasir Nayan. 2010. *Manual ArcGISTM: Amali ArcMapTM dan ArcCatalogTM*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar & Mokhtar Jaafar. 2013. Lexical variation and distribution in Perak Malay: a GIS approach. Paper presented at *Southeast Asian Linguistics Conference*, Bangkok 29-31 May.

Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Radzi. 2016. Variasi kata ganti nama dialek di pesisir sungai Perak: analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online[®] Journal of Language Studies*, 16(1): 109-123.

Onishi, T. 2010. Analyzing dialectological distributions of Japanese. *Dialectologia, Special issue I*, 123-135.

Pue Giok Hun dan Charanjit Kaur. 2014. Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian. *Akademika*, 84: 57-70.

Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid & Shahidi Abdul Hamid. 2015. Rekonstruksi Vokal dan Diftong Bahasa Melanau Purba. *GEMA Online[®] Journal of Language Studies*, 15(1): 189-206.

Rohani Mohd Yusof. 2003. Kuala Kangsar sebagai Zon Transisi Dialek. *Jurnal Bahasa*, 3(4): 588-606. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18 (2): 030-046.

Swadesh, M. 1955. Towards Greater Accuracy in Lexicostatistic Dating. *International Journal of American Linguistics*, 21:121-137.

Teerarojanarat, S. & Tingsabath, K. (2011a). A GIS-Based Approach for Dialect Boundary Studies. *Journal Dialectologia*, 6: 55-75.

Teerarojanarat, S. & Tingsabath, K. 2011b. Using GIS for Linguistic Study: a Case of Dialect Change in the Northeastern Region of Thailand. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 21, 362-371.

Teo Kok Seong. 2000. *Sosiolinguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.